

25 APR 1998

DR MAHATHIR TINJAU SISTEM 'RUMAH PINTAR' (bergambar)

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meninjau satu konsep "rumah pintar" yang menyediakan ciri-ciri keselamatan, pelbagai aktiviti dan akses multimedia.

Sistem itu dimajukan oleh Frazer-Nash Research Ltd (FN), sebuah syarikat British.

Pengerusi FN Kamal Siddiqi yang memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai sistem itu di dewan pameran MINES di Sungai Besi, juga menerangkan mengenai sistem pendawaian kenderaan dikenali sebagai FNBus, yang turut dimajukan oleh syarikat itu.

Perdana Menteri juga diberitahu mengenai perkembangan terkini "Eleksuria", kenderaan berkuasa elektrik buatan Malaysia yang mungkin digunakan semasa Sukan Komanwel ke 16 di sini September ini.

Kenderaan berbentuk buggy dengan ciri-ciri tempatan itu, dikeluarkan bersama oleh FN dan Tenaga Nasional Berhad. Dr Mahathir melancarkannya pada 1 Dis tahun lepas.

-- BERNAMA

AZZ MAI